

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**SEPTEMBER/OKTOBER 2000**

**RAK 442 - SEJARAH DAN TEORI SENI BINA 2**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan, **DUA** daripada setiap **BAHAGIAN A, B dan C**.

Pastikan Bahagian A, B dan C diikat berasingan.

**Bahagian A ( Jawab DUA soalan )**


1. Rumah Melayu tradisional merupakan “house of survival” sepetimana rumah-rumah tradisional bangsa-bangsa yang lain di rantau Asia Tenggara. Apakah yang dimaksudkan oleh penulis (Dr. Ahmad Sanusi) iaitu
  - a) Konsep rekabentuk “house of survival”.
  - b) Sejarah kepercayaan orang zaman dahulu, kaitannya dengan “house of survival” dalam aspek senibina (precedence).
  - c) Kesimpulan atau rumusannya.

**(100 MARKAH)**

2. Jelaskan kaitan perkataan ‘Bungle-ohs’ yang berasal daripada bahasa Bengali sepetimana yang dibincangkan oleh penulis Jan Morris, idea rumah tudor dan kottage oleh John Woodforde, dan perbincangan dengan Dr. Ahmad Sanusi dalam kuliahnya, dengan perkembangan rumah kolonial di Malaysia.

- a) Konsep rekabentuknya yang berdasarkan perkataan ‘Bungle-ohs’ dan idea rumah tudor dan kottage
- b) Sejarah dan kaitan perkataan ‘Bungle-ohs’ dalam aspek senibina rumah kolonial di Malaysia (precedence).
- c) Kesimpulan atau rumusannya.

(100 MARKAH)



3. Jadikan satu jalan cerita gambar-gambar di atas berdasarkan pembelajaran anda dalam kuliah ini (Dr. Sanusi) iaitu :

- a) Konsep rekabentuk.
- b) Sejarah atau kaitannya dalam senibina (precedence).
- c) Kesimpulan atau rumusan.

(100 MARKAH)

4. Penulis buku *Tropical Architecture and Interiors* (1994), Tan, Hock Beng berkata: "Architects are all flocking to Bali - to see neither the majestic temple complexes nor the traditional village dwellings - but instead to visit the most recently completed resorts built in an authentic traditional style for the elite." Jelaskan:

- a) Konsep 'heritage tourism'
- b) Keburukannya dalam rekabentuk senibina.
- c) Kesimpulan atau rumusannya

(100 MARKAH)

5. a) Bagaimanakah terjadinya masalah 'river sedimentation' dan kaitannya dalam industri pembinaan sepetimana yang dinyatakan oleh Dato' Keizrul Abdullah, Pengarah Jabatan Parit dan Saliran Malaysia.

- b) Juga paparkan kaitannya dengan masalah banjir di Semenanjung Malaysia dan perbelanjaan oleh kerajaan dalam membendungkannya.
- c) Kesimpulan atau rumusannya.

(100 MARKAH)

**BAHAGIAN B**

6. Isikan kotak-kotak kosong dalam carta di bawah (**Gambarajah 1**) dengan contoh seni bina di Malaysia dan komen anda tentang masalah sejarah dari penentuan kategori “waktu”/ *period* sejarah.

	<b>Seni Bina Rakyat</b>	<b>Seni Bina Pentadbiran</b>	<b>Komen</b>
<b>Pra Islam</b>			
<b>Islam</b>			
<b>Inggeris</b>			
<b>Moden</b>			
<b>Pasca Moden</b>			

**Gambarajah 1**

(100 MARKAH)

7. Berpandukan **GAMBARAJAH 1 (Soalan 6)** pilih satu kotak komen yang telah anda isikan di atas dan kembangkan kenyataan tersebut untuk menonjolkan peranan **politik dan ekonomi** dalam penentuan sejarah

(100 MARKAH)

8. Berpandukan **GAMBARAJAH 1 (Soalan 6)** pilih satu komen yang telah ada isikan di atas dan kembangkan kenyataan tersebut untuk menonjolkan peranan falsafah dan akademik dalam penentuan sejarah.

(100 MARKAH)

9. Dengan berpandukan **GAMBARAJAH 1 (Soalan 6)** pilih satu kotak komen yang telah anda isikan di atas dan kembangkan kenyataan tersebut untuk menonjolkan peranan **teknologi dan sains** dalam penentuan sejarah.

(100 MARKAH)

**BAHAGIAN C ( Jawab Kedua-dua soalan )**

10. Berikan kefahaman dan definisi anda tentang Seni Bina Moden.

(100 MARKAH)

11. Dengan berpandukan beberapa contoh bangunan tertentu, terangkan ciri-ciri rekabentuk umum yang terdapat dalam rekaan rumah atau bangunan moden.

(100 MARKAH)